

"Ketahuilah dalam tubuh manusia ada seketul daging. Apabila baik daging berkenaan, maka baiklah seluruh jasad. Sebaliknya apabila rosak daging berkenaan, maka rosaklah seluruh jasad manusia. Ketahuilah bahawa daging berkenaan adalah hati"

Sabda Rasulullah SAW

"Apabila seseorang anak Adam membuat dosa, maka satu titik hitam akan bertapak di hati. Sekiranya dosa berterusan dilakukan, maka keseluruhan hati akan menjadi hitam dan tidak berupaya membuat keputusan dengan betul"

Sabda Rasulullah SAW

Pendidikan hati lahir masyarakat sejahtera

Kecerdasan berupaya menggerakkan minda buat keputusan betul

Inggeris adalah 'heart'. Adapun penggunaan istilah 'liver' bukanlah hati yang sebenarnya. Istilah Bahasa Melayu perlu dibetulkan di mana hati secara fisiologinya adalah jantung, tetapi diterjemahkan secara salah seperti penggunaan dalam bahasa Arab dan bahasa Inggeris.

Konsep kecerdasan hati adalah keupayaan hati berfungsi dengan betul berdasarkan kepada fitrah dan keperluan hati untuk berfungsi. Adapun konsep hati mati merujuk kepada hati yang tidak boleh berfungsi dengan betul seperti yang sepatutnya. Walau bagaimanapun, fungsi hati hanyalah membuat keputusan dalam sesuatu urusan dan tindakan. Keputusan ini dibuat berdasarkan kepada maklumat disampaikan kepada hati melalui minda, perasaan, nafsu dan komponen fisiologi yang lain.

Keputusan hati

Hati akan membuat keputusan dengan betul sekiranya maklumat yang diberikan kepada hati berkenaan betul. Sebaliknya, sekiranya maklumat diberikan salah, maka hati akan membuat keputusan yang salah. Untuk itu, kecerdasan hati amat bergantung pada kecerdasan minda, perasaan, nafsu dan kesejahteraan fisiologi.

Sekiranya keempat-empat komponen berkenaan tidak memberikan maklumat yang betul, maka hati tidak berupaya membuat keputusan dengan betul. Konsep kecerdasan manusia bukan terletak kepada keupayaan minda (IQ) sahaja atau keupayaan emosi (EQ) atau keupayaan nafsu. Bahkan kecerdasan hati adalah kombinasi semua kecerdasan berkenaan yang akhirnya diterjemahkan kepada keputusan yang dibuat oleh hati.

Inilah konsep sebenar kecerdasan hati. Istilah kecerdasan hati ini memukau peserta yang mendengar syarahan yang disampaikan oleh Profesor Dumantidis dari Cyprus ketika Persidangan Biofeedback Eropah di Eindhoven pada

2009.

Sungguhpun hati membuat keputusan berdasarkan kepada maklumat diberikan oleh komponen yang lain, namun keputusan mutlak terhadap sesuatu perkara ditentukan oleh hati berkenaan. Kajian yang dibuat oleh Heart Math Institute Amerika Syarikat menunjukkan sungguhpun hati membuat keputusan berdasarkan kepada maklumat yang disalurkan, namun kaedah sebenar hati membuat keputusan adalah berdasarkan keputusan yang ditentukan oleh hati berkenaan secara mutlak.

"Hati bukan sahaja perlu dielakkan dari penasihat yang salah seperti minda, perasaan dan nafsu, bahkan hati perlu dibersihkan dari kesalahan"

Saintis percaya kedudukan 40,000 neuron dalam fisiologi hati berkenaan yang menentukan keputusan yang hendak dibuat oleh hati berkenaan. Untuk itu, perkara penting dalam konsep kecerdasan hati yang dikelilingi oleh penasihat minda, perasaan nafsu yang celaru, keliru, jahil, dalam era globalisasi, maka hati perlu dibantu dan dikuatkan agar berupaya menjalankan fungsinya dengan baik bagi menentukan sesuatu keputusan tingkah laku yang hendak dilaksanakan.

Keperluan kepada pembinaan hati yang cerdas adalah pembersihan. Hati bukan sahaja perlu dielakkan dari penasihat yang salah seperti minda, perasaan dan nafsu, bahkan hati perlu dibersihkan dari kesalahan yang menyebabkan hati tidak berupaya untuk membuat keputusan dengan betul. Rasulullah SAW menyebut dalam hadis bermaksud: "Apabila seseorang anak Adam membuat dosa, maka satu titik hitam akan bertapak di hati. Sekiranya dosa berterusan dilakukan, maka keseluruhan hati menjadi hitam dan tidak berupaya membuat keputusan dengan betul."

Istilah hati mati

Ini diistilahkan sebagai hati yang mati kerana tidak mampu berfungsi seperti yang sepatutnya ia berfungsi. Sehingga kini, tidak diketahui dengan jelas bagaimana sifat dosa yang menghitamkan fisiologi hati dan sejauh mana kehitaman hati berkenaan diakibat-



Membaca al-Quran dan berdoa panduan bagi mengubat hati.

kan oleh dosa sehingga memantapkan hati berkenaan.

Walaupun bagaimanapun, sehingga kini manusia mengetahui bahawa hati yang resah, bimbang, tertekan, sedih melalui penggunaan teknologi Biofeedback. Teknologi ini digunakan untuk melihat sejauh mana sebahagian fungsi hati berkenaan dinilai dan dilihat secara objektif melalui perisian dan perkakasan yang dibangunkan.

Melalui penggunaan teknologi, sifat abstrak hati yang selama ini tidak diketahui boleh dilihat secara zahir oleh individu. Teknologi yang dibangunkan mampu melihat sejauh mana hati berkenaan

berubah daripada keadaan gelisah kepada keadaan yang tenang. Bahkan, pembangunan dan latihan boleh diteruskan untuk melatih individu mengawal hati agar berupaya berfungsi dengan lebih baik.

Sudah tiba masanya untuk individu, organisasi, masyarakat dan kerajaan memberikan tumpuan terhadap pendidikan hati, pembinaan IQ, EQ dan HQ (Heart Intelligence). Islam sudah menjelaskan betapa pentingnya pembinaan hati diberikan tumpuan. Kitab ulama silam banyak menggariskan penyakit hati, punca, rawatan dan pemulihan diberikan perhatian.

40,000 neuron

mengawal fungsi dalam hati



DR MUHAMMAD NUBLI
ABDUL WAHAB

Pembersihan hati

Pelajar sekolah dan universiti bukan saja diberikan asuhan ilmu logik, saintifik dan kemahiran, bahkan mereka perlu diberikan pembinaan dan pembersihan hati agar hati boleh berfungsi dengan baik dan berkesan.

Melalui pendidikan ini, rakyat, teknokrat dan tenaga kerja yang dilahirkan akan mampu menyumbang kepada kesejahteraan agama, diri, masyarakat dan bukannya bersifat tamak dan individualistik. Sudah tiba masanya semua pihak bekerjasama untuk membangunkan masyarakat Malaysia yang mempunyai hati yang sejahtera dan saling bantu membantu ke arah pembentukannya.

Namun, ia bukanlah sesuatu proses yang mudah memandangkan suasana sekitar merangsang dan menghalang proses pembentukan berkenaan. Inilah usaha yang perlu dilakukan secara bersungguh-sungguh ke arah melahirkan masyarakat maju dan sejahtera.



Penulis ialah Pensyarah Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemajuan UMP